

BAHASA MELAYU

Terjemah Menterjemah

Perkara terjemah menterjemah ialah suatu ilmu yang tersendiri, soal ini telah dikupas oleh

A. Abdullah bin Muhammad ‘Ali, dalam ucapan radio anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, yang disajikan

di sini dengan selengkapnya – pengarang Qalam

(oleh: ‘Abdullah bin Muhammad ‘Ali)

Dalam majalah “Dewan Bahasa” keluaran bulan September, kita telah membaca karangan Tuan Haji Za‘ba berkenaan dengan terjemah menterjemah. Di sini saya hendak menerangkan sedikit sebanyak berkenaan dengan perkara ini juga, perkara terjemah menterjemah, ialah daripada pengalaman saya sendiri jadi penterjemah mula-mula di Tanjung Malim di bawah Tuan Haji Za‘ba kemudian melarat merata-rata sampai ke Majlis Mesyuarat Undangan, Persekutuan Tanah Melayu. Maksud cakap saya ini ialah bagi orang-orang yang baharu bekerja jadi penterjemah atau yang hendak jadi penterjemah, bukan orang yang sudah ahli di dalam kerja terjemah menterjemah.

Di sini yang dimaksudkan “terjemah” itu ialah daripada Inggeris ke Melayu dan daripada Melayu ke Inggeris kerana itulah yang biasa dijalankan dalam setengah-setengah pejabat kerajaan dan itulah kerja saya hari-hari.

Yang utama sekali, seperti kata Tuan Haji Za‘ba, hendaklah mahir betul-betul dalam dua bahasa itu, bahasa asal dan bahasa terjemahan; serta tahukan rahsia menterjemah. Syarat yang akhir ini – iaitu tahukan rahsia menterjemah – tidak kurang pentingnya daripada syarat mula-mula tadi. Hendak tahukan rahsia ini bukan boleh dapat dalam sebulan dua atau setahun dua, melainkan setelah

lama bekerja menterjemah, suka bertanya pada orang yang sudah biasa kerja ini dan rajin membandingkan terjemah yang baik-baik dengan karangan asalnya.

Ada orang menyangkakan kalau sudah tinggi pengetahuan Inggeris, tinggi pengetahuan Melayu, pandailah pula menterjemahkan Inggeris ke Melayu atau Melayu ke Inggeris, tetapi mesti ada pengalaman, iaitu sama juga seperti dalam apa-apa cawangan kerja, hendaklah ada pengalaman. Kerana, cuba kita misalkan pada orang yang disuruh memasak, katalah memasak kari daging. Dia tahukan daging, dia tahukan rempah, dia tahukan bawang, tahukan garam, tahukan cilli kering, tahukan buah pelaga dan lain-lainnya – tetapi tak tahu memasak. Apa kata?

Tetapi payah hendak dapat orang-orang yang ada syarat-syarat ini – tinggi pengetahuan Inggeris, tinggi pengetahuan Melayu, luas pengalaman terjemah menterjemah serta cenderung hati hendak bekerja jadi menterjemah. Kerana kerja ini, selain daripada syarat-syarat yang disebutkan tadi hendakkan orang yang suka duduk di meja, suka berjinak-jinak dengan buku dan surat khabar, tidak ada angan-angan tinggi, umpamanya hendak masuk pilihan raya, hendak jadi menteri, hendak menjadi pemimpin bangsa dan sebagainya.

Di sini terbitlah soal mengambil atau memilih orang-orang

yang hendak jadi penterjemah. Selama ini yang diberatkan ialah seseorang calon itu hendaklah lulus peperiksaan sekolah *certificate* dengan mendapat C dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Tetapi orang-orang yang dapat C ini kadang-kadang tidak sebagaimana benar tinggi pengetahuan Inggeris atau Melayu. Dengan sebab itu yang patut diberatkan benar-benar ialah tentang kecenderungan, yakni orang yang diagak gemar betul-betul dalam pekerjaan surat menyurat, dengan disiasat adakah dia sudah mengeluarkan buku-buku atau telah bekerja dalam pejabat yang mengeluarkan buku-buku atau bekerja dengan syarikat surat khabar sebagai pengarang atau seumpamanya, atau telah biasa bekerja jadi guru atau pensyarah Bahasa Melayu: selain daripada itu disiasat apa kegemaran dan kecenderungannya masa di dalam sekolah: yakni adakah mendapat hadiah peraduan mengarang atau peraduan bahas atau adakah dia jadi ahli sesuatu badan persuratan dan seumpamanya. Daripada situ, dapat diagak apa kegemaran dan kecenderungannya. Pendeknya biarlah tidak menepati syarat kelulusan sekolah, asalkan nampak tanda-tanda kecenderungannya.

Kemudian, orang-orang baharu yang diambil masuk kerja, hendaklah dilatih dan diberatkan apa jalannya hendak menambah pengetahuan sedia dengan digalakkan membaca buku-buku Inggeris dan buku-buku Melayu, dengan disemak terjemahnya serta diterangkan apa sebabnya ini salah, ini tak betul, ini tak sedap. Lama-lama dengan jalan dilatih digalakkan seperti ini diharapkan boleh beransur bertambah pengetahuan dan pengalamannya.

Orang-orang yang tidak mahir dua bahasa itu, di sinilah selalu terpesong daripada maksud yang sebenar. Misalnya dalam kalimah Inggeris, "*my old man*", pada Melayu, jika diterjemahkannya dengan sepatah-sepatah, boleh bermakna "orang tua saya" atau "bapa saya", tetapi maknanya yang sebenar, "suami saya". Tengok! bagaimana jauh bezanya.

Dengan sebab itu hendaklah difahamkan betul-betul akan maksud sesuatu ayat atau kalimah. Kerana, lain bangsa lain jalannya melafazkan sesuatu fikiran. Umpamanya dalam bahasa kiasan, hendak menyebutkan sesuatu hal yang mustahil akan berlaku, atau sesuatu perkara yang tidak ada harapan langsung boleh dapat. Kata kita Melayu, "apabila kucing bertanduk", kata orang India "apabila kuda bertanduk", kata orang putih, "apabila babi terbang", dan kata Cina pula – ini tidak sedap dan tidak manis dicakapkan kerana termasuk perkataan mencarut. Masing-masing itu sama sahaja tujuannya, sekadarkan, seperti yang disebutkan tadi, lain bangsa lain jalan mengeluarkan fikiran iaitu mengikut hal ehwal kehidupan dan resam bahasa masing-masing. Orang India agaknya biasa dengan kuda; orang kita Melayu biasa dengan kucing, orang putih dan orang Cina biasa dengan babi; orang bangsa lain, entah apa pula.

Dalam kerja menterjemah, selalu didapati perumpamaan atau bidalan Inggeris yang hendak diberi Melayunya, kalau ada, demikian juga sebaliknya. Setengahnya ada Melayunya, setengahnya tak ada. Yang ada itu ialah seperti:

1. *Half a loaf is better than no bread*

Dari cempedak, baiklah angka

2. *By hook or by crook*

Tak dapat tanduk, telinga dipulaskan.

3. *Out of the frying pan into the fire*

Takutkan hantu, terpelukkan bangkai.

4. *Between the devil and the deep sea*

Telan mati emak, luah mati bapak.

5. *Birds of a feather flock together*

Enggang sama enggang, pipit sama pipit.

Begitulah setengah-setengah daripada perumpamaan atau bidalan

- lihat sambungannya dimuka 41

Dapatkanlah buku-buku untuk menambah pengetahuan

tuan/ puan:

- | | |
|-------------------------------|--------|
| 1. Risalah Allah | 40 sen |
| 2. Permulaan agama | 70 “ |
| 3. Perempuan Islam | 30 “ |
| 4. Iman Perempuan | 20 “ |
| 5. Perempuan dan Pilihan raya | 40 ” |
| 6. Taqlid | 60 “ |
| 7. Qada' dan Qadar | 25 “ |
| 8. Berjihad pada jalan Allah | 70 “ |

Alamatkanlah kepada:

QALAM

356 & 358, Geylang Road,

yang cepat yang berkehendak kepada semangat yang tabah untuk menegakkan kemuliaan agama kita. Kemuliaan agama kita tidak akan dapat kita sempurnakan jika kita sendiri tidak lebih dahulu membetulkan diri kita mengikut perintah-perintah Allah dan menjauhi segala larangannya.

Baharu sebulan yang lalu kita memperingati hari keputeraan junjungan Muhammad (SAW) dengan gembira dan bersuka ria tetapi banyak di antara kita melupakan sama sekali kewajipan kita, tanggungjawab kita kepada agama kita. Kita tidak sama sekali mengulangi penyelidikan tentang riwayat hidup beliau.

Cuba lihat sejarah beliau. Beliau mulai menjalankan usahanya pada dirinya, isterinya kemudian keluar. Beliau lebih dahulu menamakan jiwa tauhid kepada sahabat-sahabat atau pengikut-pengikut beliau di dalam masa yang lama. Apabila keyakinan tauhid sudah mendalam apa dihadapkan kepada mereka untuk menukar tauhid itu tidak mereka undur sekalipun maut kerana erti perjuangan Islam itu ialah hidup atau mati untuk menegakkan keesaan Tuhan.

Kemudian beliau berpindah ke Madinah, beliau menamakan semangat

persaudaraan yang kuat yang tidak pernah dibuat oleh dunia.

Beliau menjalankan peratura-peraturan hidup cara kemanusiaan yang diatur oleh Tuhan kerana itulah yang diperjuangkan beliau.

Semuanya riwayat hidup beliau adalah menjadi teladan hidup kita. Kita tidak akan menjadi umat Muhammad jika kita tidak mengikuti jejak beliau. Sebab itu marilah anggota-anggota Ikhwan masing-masing kita memperbaiki diri kita, kemudian bekerja terus menegakkan kalimah Tuhan dengan tidak ada berharap apa-apa selain daripada berjihad kepada jalan Allah untuk mencari keredhaannya. Berjihadlah saudara-saudara – jihad saudara-saudara insya-Allah akan ditolong Tuhan. Jangan takut kepada ugutan-ugutan, jangan takut kepada nista – jalan terus asalkan perjuangan kita untuk mencari keredhaan Tuhan. Jangan kita berharap kepada kelimpahan manusia tetapi berharaplah kepada kelimpahan Tuhan! Jangan kita sujud kepada manusia kerana sesuatu yang kita hajat tetapi hanya sujud kepada Tuhan kerana ialah Maha Pemurah lagi Maha Penyayang!

Terjemah menterjemah: sambungan dari muka 39

Inggeris yang sama atau hampir-hampir sama dengan maksud perumpamaan atau bidalan Melayu.

Ada lagi perumpamaan-perumpamaan dan bidalan yang lain yang sama atau hampir-hampir sama dengan perumpamaan atau bidalan kita insya-Allah akan dimasukkan di majalah “Dewan Bahasa” keluaran akan datang.

Penutup kata, biar saya ulang sekali lagi; hendaklah faham betul dua bahasa itu; hendaklah tahukan rahsia menterjemah; hendaklah cenderung hati kepada kerja menterjemah; hendaklah rajin bertanya pada orang yang tahu; hendaklah usaha membandingkan terjemah yang baik-baik dengan karangan asalnya. Mudah-mudahan dengan jalan ini dapat kita beransur faham akan cara terjemah menterjemah.